



PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER TERBUKA

TAWARAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SELUAS 469.8 METER PERSEGI DI PLOT 5928, KAMPUNG MELAYU SUBANG, MUKIM SUNGAI BULOH, DAERAH PETALING, SECARA TENDER TERBUKA

TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN

Tawaran ini adalah terbuka kepada Individu dan Syarikat yang boleh dilupuskan tanah seperti yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Perihal tanah adalah seperti berikut :-


1. Lokasi Tanah : Plot 5928, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling
2. Pelan Tapak : Pelan Pra hitungan seperti dilampirkan
3. Harga Pasaran : RM760.00 / meter persegi
4. Butiran Tanah :
 - a) Luas : Lebih kurang 469.8 meter persegi
 - b) Kategori : Bangunan
 - c) Syarat Nyata : Kediaman
 - d) Dasar / Polisi Kerajaan Negeri yang perlu dipatuhi bagi sebarang cadangan pembangunan:
 - i. Merujuk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke.27/2020 bertarikh 29 Julai 2020 permohonan pelupusan tanah ini perlu dibuat secara tender terbuka selaras dengan Pekeliling PTGS Bil.6/2010 dan Arahan PTGS Bil.3/2016.; dan
 - ii. Pelan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
5. Petender yang berjaya adalah dikehendaki menandatangani 10% daripada harga tawaran dalam bentuk bank deraf atas nama Bendahari Negeri Selangor semasa mengembalikan Surat Setuju Terima (Lampiran D) dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan. Baki 90% harga tawaran dan lain-lain bayaran yang disyaratkan hendaklah/perlu dibayar dalam tempoh Notis Borang 5A. Sekiranya baki bayaran 90% tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, bayaran deposit 10% akan dimasukkan sebagai hasil Negeri.

Bagi yang berminat, sila dapatkan dokumen tender **PB NO. 10/2021** dengan harga RM50.00 daripada Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dengan mengemukakan harga yang hendak ditawarkan.


Sila kemukakan permohonan kepada:

**PENGARAH
PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT 4, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM**

TARIKH TUTUP: 22 DISEMBER 2021 (pada atau sebelum jam 12.00 tengahari - Satu (1) bulan daripada tarikh kenyataan ini disiarkan.


(PENTADBIR TANAH)
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

Tarikh : 12.11.2021



PELAN KUNCI
Skala : 1 Batu seinci

Kg. Baru Sungai

MUKIM SUNGAI BULOH
DAERAH PETALING
Sheet : 84-A
P.A : BERHAMPIRAN PA112062

Catatan : Kawasan Yang Dimaksudkan

PENTADBIR TANAH DAERAH PETALING
BIL. PELAN :

